



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

31 JANUARI 2025 (JUMAAT)

'Kawalan anjing liar tak mudah, ada pihak bantah'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	26	31 Jan

'Kawalan anjing liar tak mudah, ada pihak bantah'

KOTA KINABALU - Perbincangan akan dilakukan bersama pihak berkaitan termasuk Persatuan Mencegah Kezaliman Terhadap Haiwan (SPCA) berhubung isu mengawal populasi anjing liar di Sabah.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Dr Joachim Gunsalam berkata, perkara itu belum diputuskan kerana melibatkan banyak pihak.

"Belum lagi (diputuskan). Kawalan anjing ini bukan mu-



JOACHIM

dah, bila kita mahu kawal ada bantahan daripada pihak tertentu. Itu yang ada masalah sikit.

"Kita ada berbincang dengan SPCA dan pihak berkenaan bagaimana untuk melakukan pengurusan anjing liar dan juga bagaimana untuk kawal populasi haiwan tersebut," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Khamis.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri mengulas menganai inisiatif kerajaan berhubung isu anjing liar susulan kejadian seorang wanita warga emas maut akibat diserang anjing liar di Kunak baru-baru ini.

Dalam kejadian itu, wanita berusia 60-an berkenaan dipercayai dikerumuni dan diserang oleh kira-kira 11 ekor anjing liar di kawasan Terminal Bas Kunak dan kejadian tersebut turut dirakamkan oleh kamera litar tertutup (CCTV).

Pada November tahun lalu seorang kanak-kanak berusia dua tahun turut ditemui maut akibat diserang anjing liar di Kampung Sungai Tohok, Semporna.

Warga emas maut diserang 11 anjing liar

Selain anjing berlumba-lumba yang dilakukan di Sabah, terdapat juga anjing liar yang berlumba-lumba di seluruh dunia. Anjing ini dikenali sebagai "doggo".

Laporan *Sinar Harian* pada Rabu.

'Kawalan anjing liar tak mudah, ada pihak bantah'

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Nasional	Online	31 Jan



Laporan Sinar Harian mengenai kes seorang wanita warga emas dipercayai akibat diserang kira-kira 11 ekor anjing liar di kawasan Terminal Bas Kunak, Sabah pada Sabtu lalu. Gambar kecil: Muhammad Akram

KOTA KINABALU - Perbincangan akan dilakukan bersama pihak berkaitan termasuk Persatuan Mencegah Kezaliman Terhadap Haiwan (SPCA) berhubung isu bagaimana mengawal populasi anjing liar di negeri ini. Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah, Datuk Dr Joachim Gunsalam berkata, perkara itu masih belum

diputuskan kerana melibatkan banyak pihak.

"Belum lagi (diputuskan). Kawalan anjing ini bukan mudah, bila kita mahu kawal ada bantahan daripada pihak tertentu. Itu yang ada masalah sikit."

"Kita ada berbincang dengan SPCA dan pihak berkenaan bagaimana untuk melakukan pengurusan anjing liar dan juga bagaimana untuk kawal populasi haiwan tersebut," katanya ketika ditemui Sinar Harian pada Khamis. Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata demikian ketika ditanya mengenai inisiatif kerajaan berhubung isu anjing liar susulan kejadian seorang wanita warga emas maut akibat diserang anjing liar di Kunak baru-baru ini.

Dalam kejadian itu, wanita berusia 60-an dipercayai dikerumuni dan diserang oleh kira-kira 11 ekor anjing liar dan kejadian itu turut dirakam kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan Terminal Bas Kunak. Untuk rekod, pada November tahun lalu seorang kanak-kanak berusia dua tahun turut ditemui maut akibat diserang anjing liar dalam kejadian di Kampung Sungai Tohok, Semporna.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR